

14 OCT 1997

AEM-Kemudahan

AEM: INDONESIA TERIMA CADANGAN KEMUDAHAN KEWANGAN ASEAN

Oleh: E. Sivabalan dan Mohd Rizal Razalli

PETALING JAYA, 14 Okt (Bernama) -- Indonesia menyambut baik dan memberi sokongan kepada cadangan satu dana khas yang dipanggil Kemudahan Kewangan Asean (AMF) bagi membantu anggotanya bagi menghadapi masalah ekonomi berikutan spekulasi mata wang.

"Secara peribadi saya menyokong idea ini kerana kita (Asean) merupakan satu leluarga," Bachrum S Harahap, Timbalan Menteri Pengeluaran dan Penedaran Indonesia memberitahu Bernama.

Beliau tiba di sini hari ini untuk menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi Asean ke29 yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bachrum mengulas mengenai kenyataan Presiden Filipina Fidel Ramos di Hong Kong hari ini bahawa pemimpin Asean telah berbincang mengenai penubuhan dana tersebut.

Bagaimanapun jumlah dana yang akan disediakan dan mekanisme bagi perlaksanaannya masih belum ditetapkan.

Sebarang idea daripada anggota Asean yang dapat membantu menghadapi spekulasi mata wang adalah "baik", kata Bachrum.

Laporan yang di terima di sini memetik Ramos memberitahu satu sidang berita bahawa para pemimpin Asean telah mengarahkan Menteri Kewangan dan bank pusat masing-masing memudahkan penubuhan dana itu.

Presiden Filipina itu berada di Hong Kong bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur dalam Forum Ekonomi Dunia. -- BERNAMA

RIZ ES LSH